

# KENYATAAN MEDIA



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP**  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PENYAMPAIAN LESEN JUALAN LANGSUNG DAN SIJIL KELULUSAN PENDAFTARAN FRANCAIS

**PUTRAJAYA, 27 JUN 2023** – YBhg Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah menyempurnakan sesi Penyampaian Lesen Jualan Langsung kepada **21 syarikat jualan langsung; 46 Sijil Kelulusan Pendaftaran Francais** kepada syarikat francais dan **8 Sijil Pendaftaran Konsultan** yang diadakan di Dewan Serbaguna, KPDN Putrajaya.

2. Majlis penyampaian ini merupakan platform terbaik kepada para pemain industri untuk bersuai kenal, di samping melihat potensi, hala tuju perniagaan dengan memasarkan produk dan menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti, seterusnya bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi negara melalui industri francais dan jualan langsung. **Majlis ini adalah usaha berterusan Kerajaan dalam membangunkan industri jualan langsung dan francais di negara ini sejajar dengan visi KPDN untuk menjadikan Perdagangan Domestik Tunjang Ekonomi Berpendapatan Tinggi.**

3. Pegawai dan warga KPDN yang hadir menjayakan majlis tersebut turut menyaksikan sesi ramah mesra bersama pemain industri dan taklimat penguatkuasa melalui Revive Talk with Franchise and Direct Selling Industries 2023.

4. YBhg. Datuk Azman juga mengingatkan agar pemegang lesen dan sijil supaya sentiasa mematuhi segala peraturan yang berkuatkuasa demi menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang beretika, di samping melindungi kepentingan pengguna khususnya berkaitan dengan kos sara hidup. Dalam hal ini, KPDN akan terus menyokong daya usaha ke arah perkembangan industri francais dan jualan langsung yang lebih mampan serta berdaya saing sama ada di peringkat domestik maupun global.

**YBHG DATUK AZMAN MOHD YUSOF,  
KETUA SETIAUSAHA,  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP,  
PUTRAJAYA, 27 JUN 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

